

ARTIKEL KESELAMATAN JALAN RAYA: RISIKO KENDERAAN BERUSIA DI JALAN RAYA

Kenderaan adalah merupakan produk kejuruteraan yang dicipta bagi memudahkan pergerakan dari suatu tempat ke tempat yang lain. Seperti mana produk- produk yang lain, kenderaan juga mempunyai kitaran hayat yang tersendiri daripada peringkat pengeluaran ke peringkat penggunaan seterusnya ke peringkat pelupusan.

Lebih 32 juta kenderaan berdaftar direkodkan pada tahun 2020 dengan 21.2 juta daripadanya dikategorikan sebagai kenderaan aktif. Ironinya, hampir 5 juta kenderaan di Malaysia merupakan kenderaan berusia lebih daripada 10 tahun. Jumlah ini agak besar dan ianya semakin membimbangkan atas faktor keselamatan.

Kenderaan berusia terdedah dengan pelbagai kerosakan yang mungkin tidak disedari pemandu yang disebabkan oleh kadar kekerapan dan cara penggunaan, keadaan persekitaran dan kurangnya penyelenggaraan yang berkesan. Apa yang lebih membimbangkan adalah kelesuan bahan struktur badan kenderaan berusia yang biasanya tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Kelesuan bahan struktur badan kenderaan ini boleh mengurangkan serapan impak perlanggaran. Impak akibat perlanggaran ini biasanya akan dipindahkan kepada pemandu dan penumpang yang akhirnya boleh mendatangkan risiko kecederaan parah atau kematian.

Pelbagai kajian ilmiah telah membuktikan kenderaan berusia meningkatkan risiko kematian jika berlakunya perlanggaran. Semakin tinggi umur sesuatu kenderaan tersebut, semakin tinggi risiko penggunaannya. Dapatan ini selari dengan hasil kajian oleh MIROS melalui analisa laporan penyiasatan kemalangan yang menunjukkan bahawa kenderaan berusia dan tidak diselenggara dengan baik boleh meningkatkan lagi risiko kecederaan parah dan kematian kepada pemandu atau penumpang semasa perlanggaran.

Antara isu yang sering dikaitkan kenderaan berusia ialah keadaan struktur kenderaan yang tidak selamat, kegagalan sistem brek dan prestasi tayar yang tidak memuaskan.

Di samping itu, kajian MIROS juga mendapati kenderaan yang melalui ujian pemeriksaan berkala di pusat pemeriksaan kenderaan bertauliah menunjukkan kenderaan berusia lebih daripada 15 tahun adalah lebih cenderung untuk gagal semasa menjalani pemeriksaan.

Kenderaan yang selamat memainkan peranan yang penting dalam mengelak dari berlakunya nahas dan mengurangkan kecederaan parah semasa pelanggaran. Kenderaan pada masa kini telah menawarkan pelbagai ciri-ciri keselamatan aktif dan pasif di dalam pembuatan sesebuah kenderaan yang mana sistem keselamatan ini hanya merupakan pilihan pada masa lalu. Kini pengguna boleh mendapatkan kenderaan selamat setaraf negara-negara maju dengan adanya piawaian yang digariskan oleh kerajaan. Pengenalan Program Penilaian Kereta Baharu untuk Rantau Asia Tenggara (ASEAN NCAP) yang memberi penarafan terhadap keselamatan kenderaan penumpang juga telah mengubah perspektif masyarakat Malaysia tentang kepentingan menggunakan kenderaan yang selamat.

Justeru, pemilik kenderaan bertanggungjawab untuk memberikan perhatian kepada jangka hayat kenderaan mereka. Dengan melakukan pemeriksaan berkala di pusat pemeriksaan kenderaan bertauliah dan membuat penyelenggaraan yang betul, ianya dapat memastikan kenderaan mereka dalam keadaan yang selamat untuk digunakan di jalan raya.

Pihak kerajaan, pihak yang berkepentingan, pengguna dan masyarakat haruslah peka dengan isu penggunaan kenderaan berusia yang tidak selamat ini. Adalah agak sukar untuk merealisasikan pelupusan kenderaan dalam masa terdekat. Namun, dengan adanya inisiatif lain seperti pemeriksaan berkala di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM), ianya dapat membantu pengguna untuk memahami keadaan kenderaan dan keperluan penyelenggaraan yang diperlukan.

Sidang Penulis:

Ir. Mohd Syazwan Solah dan Ts. Aqbal Hafeez Ariffin

Pegawai Penyelidik

Kluster Vehicle Roadworthiness

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)